



**Selamat Menyambut
Hari Kemerdekaan
Ke-64**



Enam langkah perdana MBMB



- Dirangka di bawah Rancangan Tempatan MBMB 2035 mengambil kira aspek fizikal, ekonomi dan sosial
- RM10.3 juta untuk menaiktaraf dan membaik pulih komponen sokongan pelancongan pasca COVID-19
- RM7.3 juta insentif telah disalur kepada rakyat terkesan pandemik

BERITA PUHU MUKA 2 & 3

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) merangka enam *big moves* atau langkah perdana menerusi Rancangan Tempatan MBMB 2035 bagi merancakkan sektor sosial dan ekonomi negeri.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Zainal Abu berkata kesemuanya *big moves* itu bagi mencapai matlamat pembangunan Bandaraya Melaka sebagai Bandaraya Pintar yang Berdaya, Dinamik dan Mampan.

Enam langkah perdana itu akan memacu strategi pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi MBMB melalui terjemahan dasar diperingkat global, negara dan wilayah.

"*Big moves* itu meliputi Bandaraya Pintar dan Berdaya Saining, Destinasi Pelancongan Berprestij, Bandaraya Berdaya Huni dan Beridentiti, Kemampunan Pengurusan Sumberjaya, Bandaraya Sihat, Aktif dan Selamat serta Prasarana Dinamik dan Efisien."

"Menerusi *big moves* itu, ia mampu mengekalkan imej



ZAINAL

warisan di bandaraya Melaka dengan memastikan kriteria Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) dipelihara, mempromosi dan mengkomersialkan bandaraya Melaka ke arah

bertaraf antarabangsa dan pintar dengan sektor pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Wawancara Khas Melaka Hari Ini (MHI) bersama Datuk Bandar MBMB menerusi aplikasi Zoom, pada 26 Ogos lalu.

Menurutnya, pengisian langkah perdana pertama dan kedua termasuklah mewarta-

kan tokoh hidup dan melahirkan bakat muda yang berkebolehan menyambung nilai warisan ketara dan tidak ketara.

"Menggalakkan restorasi dan penjenamaan baharu di kawasan utama warisan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Tapak Warisan Dunia.

"Turut sama adalah mempromosi dan mengko-

mersialkan bandaraya Melaka ke arah satu bandaraya yang bertaraf antarabangsa dan pintar dengan sektor pelancongan yang pelbagai.

Ujarnya, semua langkah perdana dibuat meliputi perancangan jangka pendek, segerhana dan panjang dengan mengambil kira semua aspek fizikal, ekonomi dan sosial khususnya dalam kawasan pentadbiran MBMB.

Jelas beliau, di bawah langkah perdana Bandaraya Berdaya Huni dan Beridentiti, ia termasuk penyediaan keperluan komuniti meliputi ruang tempat tinggal yang selesa dan memenuhi kehendak masyarakat, mengambil kira tahap pendapatan, umur serta permintaan.

"Perancangan pembang-

Eksklusif
MHI

uan akan mengetengahkan ciri-ciri unik, identiti serta pengukuhan imej warisan dan budaya setempat.

"Ini turut mengambil kira persekitaran yang bersih, sihat, selamat dan aman di samping mewujudkan *sense of belonging*.

Seterusnya, menurut Zainal, MBMB turut menekankan kemudahan prasara dinamik dan efisien di bawah langkah perdana seterusnya seperti meningkatkan keupayaan kapasiti dan jaringan infrastruktur dan utiliti.

Ia termasuklah penerapan aplikasi teknologi hijau dalam pembangunan infrastruktur dan utiliti yang cekap untuk dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun lagi sehingga menjelang 2035.

MBMB fokus destinasi pelancongan berprestij dalam M-WEZ

MBMB terlibat dalam usaha merealisasikan Melaka sebagai destinasi pelancongan berprestij dalam pembangunan koridor ekonomi pesisir laut berimpak tinggi (M-WEZ).

Datuk Zainal Abu berkata, kawasan pembangunan liputan bagi blueprint pembangunan M-WEZ itu terletak di bahagian Barat Melaka iaitu di bawah pentadbiran MBMB dan sebahagian daerah Jasin.


Menurutnya, cadangan koridor berkenaan termasuk dalam konteks draf Rancangan Tempatan MBMB 2035 (Penggantian) yang telah mengenalpasti dan mencadangkaninya ianya dalam Zon Perancangan Persisiran Pantai melalui Langkah Perdana 2, Destinasi Pelancongan Berprestij.

"Di bawah Langkah Perdana 2 atau *Big Moves* 2 ini, ianya memberi penekanan kepada imej warisan, bandaraya moden, pintar dan hijau serta pelancongan bandaraya persisiran pantai."

"Jadi perancangan M-WEZ selari dengan peranan *Big Moves* 2 untuk memacu ekonomi Melaka melalui aktiviti pelancongan di persisiran pantai berdasarkan beberapa kriteria," katanya.

M-WEZ adalah sebuah koridor ekonomi pesisir laut berimpak tinggi, yang dirancang pembangunannya bagi tempoh 15 tahun bermula tahun lalu yang dijangka selesai menjelang 2035.

Ia adalah antara tumpukan utama dalam Pelan Strategik Melaka Jaya (PSMJ) 2035 yang mampu merangsang RM100 bilion pelaburan dalam tempoh 15 tahun selain mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan ba-



BERKONSEPKAN pembangunan bersepadu di kawasan penambakan laut pesisir di Melaka, M-WEZ dirancang untuk menjadi pemboleh ekonomi negeri ini. GAMBAR fail MHI

haru setiap tahun.

Berkonsepkan pembangunan bersepadu di kawasan penambakan laut pesisir di Melaka, koridor di tanah seluas 25,000 ekar (10,117 hektar) di pesisir laut dan ditambah dengan jarak 33 kilometer dari utara Melaka berhampiran Sungai Udang hingga ke selatan di Umbai itu dirancang menjadi pemboleh ekonomi bagi negeri Melaka.

Koridor berdasarkan pelancongan itu akan menerapkan ciri-ciri bersepadu baru seperti pusat pelancongan antarabangsa, pusat komersial bersaskan gaya hidup, bandar pintar, revolusi industri 4.0, pelabuhan kapal dan pusat budaya gaya hidup moden.

Mengulas lanjut Zainal berkata antara kriteria terbabit memfokuskan

kepada perancangan destinasi pelancongan yang komprehensif dan holistik.

"Ianya perlu mencapai matlamat memperkasakan produk dan aktiviti pelancongan sedia ada serta mewujudkan aktiviti pelancongan baharu yang berprestij dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Besar kemungkinan juga kita cadangkan pembinaan lapangan terbang baharu dibina dan saya percaya ia terletak berhampiran Pulau Melaka dan kawasan-kawasan baru sekitarinya," katanya.

Tambahnya, pembabitan MBMB dalam perancangan dan pembangunan M-WEZ adalah sangat penting dan jelas berdasarkan beberapa faktor-faktor lain termasuk

fungsi PBT itu yang melaksanakan, meluluskan dan memantau dari aspek perundungan di bawah peruntukan Akta 171, Akta 172 dan Akta 133. Ini kerana menurut beliau, penu-

buhan Majlis Pembangunan M-WEZ hanyalah sebagai badan pelaksana yang fokus untuk menggalakkan pembangunan serta membuat perancangan yang lebih baik melalui penyediaan Blueprint M-WEZ agar dapat menarik pelabur-pelabur untuk memajukan kawasan penambakan di Melaka.

Aspek perancangan dan pembangunan koridor itu katanya, perlu mengambil kira kawasan daratan sedia ada yang berdekatan pentadbiran MBMB bagi mewujudkan kesinambungan dari segi infrastruktur dan kemudahan awam.

Justeru itu, segala perancangan dan pembentukan dasar M-WEZ perlu dirujuk dan berunding dengan MBMB terlebih dahulu bagi memastikan isu di tapak itu dapat diselesaikan.

"Ini melibatkan pelbagai isu dan permasalahan yang telah dihadapi dan diuruskan oleh MBMB seperti masalah banjir, limpahan air sungai dan perparitan, masalah kelodak pasir akibat daripada aktiviti penambakan laut.

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30 OGOS 2021	5:59 am	7:07 am	1:14 pm	4:25 pm	7:18 pm	8:28 pm
31 OGOS 2021	5:58 am	7:07 am	1:14 pm	4:24 pm	7:18 pm	8:27 pm
1 SEPTEMBER 2021	5:58 am	7:07 am	1:14 pm	4:23 pm	7:17 pm	8:27 pm
2 SEPTEMBER 2021	5:58 am	7:07 am	1:13 pm	4:22 pm	7:17 pm	8:26 pm
3 SEPTEMBER 2021	5:58 am	7:06 am	1:13 pm	4:21 pm	7:17 pm	8:26 pm
4 SEPTEMBER 2021	5:58 am	7:06 am	1:13 pm	4:20 pm	7:16 pm	8:25 pm
5 SEPTEMBER 2021	5:57 am	7:06 am	1:12 pm	4:19 pm	7:16 pm	8:25 pm

RM10.3 juta diperuntukkan baik pulih pelancongan Melaka

Liana Sahabudin

MBMB memperuntukkan kira-kira RM10.3 juta bagi projek menaiktaraf dan membaikpulih komponen sokongan yang berimpak pelancongan di negeri ini.

Datuk Zainal Abu berkata, peruntukan itu bagi kos projek dan penyelenggaraan bagi mengaktifkan dan merancakkan kembali ekonomi.

"Ini juga menggalakkan semula kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa dalam tempoh tahun ini hingga tahun hadapan selepas berakhir pandemik wabak COVID-19."

"Antara projek dilaksanakan seperti membaikpulih dan menaik taraf kemudahan pelancongan seperti laluan pejalan kaki, membina jajaran laluan pejalan kaki baharu dan memasang jubin 'tactile' bagi kemudahan orang kurang upaya (OKU) di sekitar Jonker Walk dan Dataran Stadthuys," katanya.

Menurutnya, turut dinaiktaraf adalah pentas dan keseluruhan komponen Taman Warisan Dunia di Jonker Walk, penyediaan tempat

meletak kereta OKU di kawasan strategik di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO Bandaraya Melaka.

"Ini termasuklah menaiktaraf lintasan pejalan kaki yang mesra pengguna dan selamat di kawasan pelancongan Banda Hilir.

"Turut sama membina Pusat Informasi Warisan Dunia Melaka yang dikendalikan Pejabat Warisan Dunia (WHO) Melaka di Jalan Laksamana dan lain-lain," tambahnya.


Ujarnya lanjutan sokongan kepada pelaksanaan projek tersebut, MBMB juga akan merancakkan sektor ekonomi hiliran berteraskan pelancongan.

"Antara projek itu menaik taraf Medan Ikan Bakar Sungai Punggor Alai, menaik taraf Medan Selera Simpang Kandang, membaik pulih dan menaik taraf Medan Selera Pantai Puteri, menaik taraf Kiosk Niaga di Dataran Klebang

"Menaik taraf tandas awam dan kawasan rehat dan rawat pelancongan sekitar Banda Hilir seperti di Taman Bunga Merdeka, membaik pulih dan mengecat semula gerai-gerai dan medan selera sedia ada di kawasan pentadbiran MBMB serta membaik pulih dan mengecat semula tandas awam sedia ada," katanya.

Zainal menambah, bagi memantapkan lagi sokongan komponen kepada sektor pelancongan yang berteraskan kesihatan melalui aktiviti riadah dan sukan, MBMB turut melaksanakan beberapa penambahbaikan.

"Ia termasuklah membina gelanggang futsal tertutup di Taman Bandaraya Bukit Serindit, menaik



PENTAS dan keseluruhan komponen Taman Warisan Dunia di Jonker Walk turut dinaiktaraf oleh MBMB bagi memastikan kawasan utama pelancongan negeri terus aktif. GAMBAR Fail MHI

taraf Stadium Hoki Taman Bandaraya Bukit Serindit dan menaik taraf Pusat Akuatik Hang Jebat, Paya Rumbut.

"Melalui pelaksanaan kesemua projek ini, sektor pelancongan Melaka yang malap akibat pandemik COVID-19 akan dipergiatkan semula selepas pembukaan semula sektor ekonomi," katanya.

Tambahnya faktor menaik taraf infrastruktur sedia ada dalam kawasan MBMB turut diberi perhatian melibatkan kos projek bernilai RM5.5 juta.

"Ia melibatkan projek membaik pulih dan menaik taraf longkang dalam kawasan bandar (keutamaan diberikan kepada kawasan berisiko banjir).

"Selain kerja-kerja menaik taraf lampu awam dalam kawasan MBMB yang bernilai RM508,699 tahun ini," katanya.

Insentif rakyat terkesan COVID-19

MBMB salur RM7.3 juta

MBMB menyalurkan RM7.3 juta insentif bagi meringankan beban rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di negeri ini.

Datuk Zainal Abu berkata insentif itu sebagai tanda keprihatinan MBMB terhadap beban ditanggung rakyat merangkumi empat kategori bermula Januari sehingga Ogos 2021.

"Kategori itu seperti peniaga atau penjaja kecil dengan peruntukan sebanyak RM1.9 juta, cukai taksiran (RM3.7) juta, kemudahan orang awam (RM1.5 juta) serta sumbangan kepada 'frontliners' dan orang awam berjumlah RM168,922 menjadikan jumlah keseluruhan RM7.3 juta.

"Daripada kategori itu terdapat pecahan membabitkan Jabatan Perlesenan dan Pembangunan Perniagaan iaitu pengurangan kadar sewa gerai dan ruang niaga MBMB sebanyak 50 peratus bagi Januari hingga Julai 2021 melibatkan seramai 1,371 penyewa dengan peruntukan RM632,521," katanya.

Selain itu, antara insentif lain adalah pengurangan sebanyak 50 peratus bayaran lesen penjaja dan peniaga kecil tahun 2021 melibatkan seramai 2,561 peniaga dengan nilai pengecualian RM256,100.

"Ini diikuti insentif Melaka Bebas Berniaga bagi penjaja yang ingin berniaga di kawasan rezab diper mudahkan dengan hanya membayar RM1 sehari bagi kegunaan tapak ber saiz 10'x10'.

"Jumlah permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 1,103 (Mac 2020 hingga 19 Ogos 2021) melibatkan peruntukan RM1,103 dan pengecualian pengenaan denda lewat bayaran lesen untuk tahun 2021 kira-kira RM1 juta setahun," katanya.

Menurut Zainal insentif bagi Jabatan Penilaian Harta merangkumi

pengecualian caj perkhidmatan terhadap cukai taksiran sehingga 31 Disember melibatkan 140,000 unit Harta Pegangan Berkadar dalam kawasan pentadbiran MBMB sebanyak RM1.5 juta.

"Manakala pemberian remisi kepada harta berkategori komersial dan industri daripada 25 peratus kepada 50 peratus dengan syarat yang perlu dipatuhi sebanyak RM2.11 juta, bayaran ansuran cukai taksiran selama setahun dan dibayar setiap bulan secara penyediaan cek 'postdated' (RM42,000).

"Diikuti pemberian rebat sewa bulanan 50 peratus kecuali kategori rumah kediaman sebanyak RM96,400," katanya.

Bagi insentif Jabatan Kewangan MBMB pula, Zainal berkata, ia merangkumi pelaksanaan pengecualian caj petak parkir melibatkan sebanyak 17,500 petak dalam kawasan pentadbiran MBMB dalam tempoh Mei 2021 sehingga Julai 2021 dengan jumlah kekurangan pendapatan sebanyak RM1.2 juta.

"Selain itu, pelbagai bantuan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) MBMB diberikan kepada rakyat keseluruhannya berjumlah RM168,922.

"MBMB sebenarnya, sentiasa menyokong dan mendokong hasrat Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam memastikan rakyat negeri Melaka sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik daripada semua PBT.

"Saya turut mendoakan agar kesihatan dan kesejahteraan semua dan semoga rantaian wabak ini dapat diatasi dan rakyat Melaka mencapai 'herd community' supaya dapat menjalani kehidupan seperti sedia kala," katanya.


Malaysia melaksanakan kesemua projek ini, sektor pelancongan Melaka yang malap akibat pandemik COVID-19 akan dipergiatkan semula selepas pembukaan semula sektor ekonomi //

STATISTIK PERKEMBANGAN MELAKA PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

*Data setakat 26 Ogos 2021 / 11:59:00 malam

637,574 Sudah Daftar

JUMLAH PENDAFTARAN



KESELURUHAN TERDAPAT 72 PUSAT PEMERIAN VAKSIN (PPV) BERIKUT 23 LOKASI PPV > SEMUA DAERAH



Infografik : Melaka Hari Ini Sumber : Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan www.vaksincovid.gov.my/MELAKA



MOHD ALI

AYER KEROH — Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) dilihat akan menjadi rujukan dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi Melaka keseleluhannya.

Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam berkata, me-

nerusi PSMJ 2035, ia akan memberi manfaat kepada semua pihak untuk capai kecermerlangan di peringkat kerajaan negeri.

"Saya mengharapkan agar ianya (PSMJ 2035) menjadi suatu rujukan oleh semua pihak untuk mencapai kecermerlangan pentadbiran di peringkat Kerajaan Negeri Melaka selaras dengan visi menuju Negeri Lestari."

"Ia juga mencerminkan aspirasi kerajaan negeri untuk memacu dan merancakkan pertumbuhan ekonomi, men-

ggalakkan pelaburan domestik dan asing, meningkatkan sektor pelancongan, pembangunan infrastruktur, pemuliharan warisan serta peningkatan modal insan melalui pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan perutusan khas sempena sambutan ulang tahun kelahirannya ke-72 secara maya menerusi laman Facebook rasmi Kerajaan Negeri Melaka, pada 24 Ogos lepas.

Jelasnya, beliau turut mengharapkan aktiviti pe-

laburan negeri ini akan terus meningkat, rentetan Melaka berjaya catat jumlah pelaburan sebanyak RM3.4 billion setakat Mac 2021.

"Laporan pelaburan Negeri Melaka pada tahun 2021 memberi gambaran positif kepada pertumbuhan ekonomi negeri."

"Saya mengharapkan keadaan ini terus meningkat sehingga hujung tahun dan tahun-tahun akan datang."

"Berdasarkan laporan da-ri-pada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malay-

sia (MIDA), sehingga Mac 2021, jumlah pelaburan di Melaka bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM3.425 billion, di mana RM3.264 billion adalah pelaburan asing, manakala baki berjumlah RM161 juta merupakan pelaburan domestik," katanya.

Pada masa sama, beliau turut memuji tindakan pantas kerajaan negeri dalam memastikan sektor pelancongan terus diaktifkan, di kala menghadapi cabaran pandemik COVID-19.

"Saya amat berbangga

dengan usaha pantas kerajaan negeri mengatur dan merancang supaya sektor pelancongan ini terus diaktifkan walaupun dalam keadaan yang amat menca-bar ini."

"Inisiatif seperti mem-

bangunkan Melaka Tourism Digital Platform dengan kempen Melaka Safe Heaven, Melaka is The Place To Be and Relax in Melaka serta kempen Melaka Visit Melaka amatlah bertepatan dan harus dilaksanakan secara berterusan," jelasnya.

338 pelajar cemerlang Melaka terima insentif

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI — Seramai 338 pelajar cemerlang dalam beberapa peperiksaan utama untuk tahun 2020 terima anugerah dan pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Melaka.

Peperiksaan tersebut melibatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Hafazan 30 Juzuk.

Penyampaian anugerah itu telah disampaikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam satu majlis ringkas mengikut

norma baharu di pejabatnya, di sini pada 26 Ogos lepas.

Hadir sama Exco Pendidikan Datuk Noor Effandi Ahmad, Pengarah Pendidikan Melaka Dr. Mohd Azam Ahmad dan Pengurus Besar Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM), Datuk Mustafa Musa.

Dalam majlis itu, seramai 17 pelajar cemerlang di pelbagai peringkat menerima hadiah secara simbolik, manakala baki 321 pelajar cemerlang yang lain akan menerima anugerah berkenaan di sekolah masing-masing.

Untuk tahun ini, kerajaan negeri menerusi TAPEM memutuskan untuk memberi

RM1,000 kepada pelajar yang memperoleh keputusan 'Straight A+' dalam SPM dan STPM peringkat kebangsaan serta STAM dengan keputusan Mumtaz.

Pelajar cemerlang lain termasuk pelajar Hafazan 30 Juzuk Al-Quran akan menerima antara RM300 hingga RM500.

Selain bantuan wang yang akan dikreditkan ke akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i), pelajar juga akan menerima sijil penghargaan daripada kerajaan negeri dan cenderahati.

Sulaiman berkata, sejak 2000 hingga 2021, TAPEM membelanjakan sebanyak

RM268,328,554.07 berbentuk bantuan, sumbangan dan pinjaman bagi memacu pendidikan anak-anak di negeri ini.

Antara inisiatif yang disediakan TAPEM ialah bantuan pelajar sekolah rendah, biasiswa Melaka (sekolah menengah), dermasiswa pelajar serta majlis anugerah sekolah dan pelajar cemerlang negeri melaka.

"Kerajaan negeri berharap agar penganugerahan seperti ini dapat memberi suntikan semangat kepada pelajar-pelajar di negeri Melaka untuk terus mencapai kecermerlangan dalam bidang akademik dan bidang-bidang lain," katanya.

Ucapan Merdeka Ketua Menteri Melaka

"Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021. Ayuh rakyat Melaka, kibarkan Jalur Gemilang, semarakkan Bulan Kebangsaan. Marilah kita terus komited melindungi diri, keluarga dan komuniti supaya terhindar dari ancaman COVID-19. Terus komited dan hargailah pengorbanan petugas barisan hadapan. Kita berusaha, berdoa dan ikhtiar sampai jadi! Menang bersama, Melaka bebas COVID-19."

- Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali



SULAIMAN menyampaikan anugerah pelajar cemerlang kepada Shareez Danial Moshat yang cemerlang mendapat keputusan semua A dalam peperiksaan SPM tahun 2020.






TAHNIAH

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

ATAS PELANTIKAN SEBAGAI

PERDANA MENTERI

MALAYSIA YANG KE - 9



Setulus Ikhlas Daripada

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

DAN

BARISAN KEPIMPINAN NEGERI MELAKA, AHLI-AHLI EXCO, AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,
KAKITANGAN KERAJAAN DAN SWASTA SERTA SELURUH RAKYAT NEGERI MELAKA



MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA,
MEGGAMIT DUNIA

UCAPAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN NEGARA KE-64



WALAUPUN kita terkurung dengan pandemik COVID-19, tetapi jiwa kita merdeka bersama dengan Malaysia. Kita raikan bersama keluarga dan semangat merdeka terus membara.

- Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Seri Ab Rauf Yusoh



"AYUH semua warganegara Malaysia, kita kibarkan Jalur Gemilang di kediaman dan premis perniagaan masing-masing sebagai mensyukuri nikmat kemerdekaan yang telah dikecapi negara sejak tahun 1957."

- Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhammad Jailani Khamis



"SEBAGAI warganegara Malaysia, selamat menyambut Bulan Kemerdekaan dan semoga perpaduan di antara kaum terus wujud dan diperkuuhkan lagi, lebih penting ketika ini kita perlu bersatu dan terus mencegah pandemik COVID-19."

- Penggerusi MIC Negeri Melaka, Datuk Wira M.S. Mahadevan



"SELAMAT menyambut Hari Kemerdekaan Negara ke-64, saya harap negara akan lebih maju, mantap seperti tema tahun ini iaitu 'Malaysia Prihatin'."

- Penggerusi MCA Hang Tuah Jaya, Yong Fuan Juan



"SEMOGA kita terus cekal menghadapi cabaran yang mendatang dan sentiasa berfikiran positif untuk membina nusa bangsa Malaysia yang berjaya tahun hadapan."

- Exco Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur, Datuk Roslan Ahmad



"DALAM mengejar erti kemerdekaan sempena Bulan Kebangsaan ke-64 ini, semua warga Malaysia hayatih perjuangan ini dengan memperkasakan jati diri dan mempunyai sikap juang yang berterusan."

- Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Wira Latipah Omar



"SAYA ingin mengucapkan Selamat Hari Merdeka ke-64 kepada seluruh Rakyat Malaysia, mari kita menyambut hari yang mulia ini bersama-sama. Selamat Hari Merdeka, Malaysia Prihatin".

- Penggerusi JPKK Kampung Portugis, Marina Linda Danker




"BIARPUN kita tidak dapat sambut Hari Kemerdekaan ke-64 seperti tahun sebelum ini, namun semangat merdeka dan perjuangan orang-orang lama perlu kita hargai demi anak bangsa dan negara".

- Sahabudin Saad



"SELAMAT menyambut Hari Kemerdekaan kepada semua dan patuhilah prosedur operasi standard (SOP) pada musim COVID-19 ini, walaupun tak dapat sambut kemerdekaan tahun ini tapi semangat patriotik tetap di hati".

- Nik Haikal Husaini



"Uniknya Melaka, konteks Merdeka kami lebih besar berbanding negeri lain kerana 'Keluarga Malaysia' turut diraikan bersama kaum-kaum minoriti lain seperti peranakan Baba dan Nyonya, Chetti dan Portugis menjadikan kemerdekaan kami lebih bermakna"

- Wakil kaum Baba dan Nyonya, Mike Thien



"SELAMAT menyambut Hari Merdeka ke-64, semoga tahun ini kita dapat menyambut hari kemerdekaan dengan semangat patriotisme walaupun berhadapan dengan pandemik COVID-19".

- Iffanajwa Zainal



Setinggi-tinggi Tahniah



KEPADА

Tuan Yang Terutama

Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.,

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

Sambutan Hari Jadi Ke-72

24 Ogos 2021 Bersamaan 15 Muharam 1443H

SETULUS IKHLAS DARIPADA

YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah
Ahli Parlimen Jasin



tokmathamzah



tokmathamzah



tokmathamzah

Barisan Kabinet dipilih dalam kalangan mereka yang berpengalaman – PM

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PUTRAJAYA – Barisan Kabinet baharu yang dilantik adalah dalam kalangan mereka yang berpengalaman, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menurutnya, barisan yang dilantik itu juga diyakini mampu membantu negara memulihkan ekonomi dengan menyokong usahawan, memudah cara perniagaan, dan merancakkan semula aktiviti ekonomi serta meningkatkan keyakinan pelabur.

"Saya akan memastikan barisan Kabinet komited menjayakan agenda negara, melalui jalinan kerjasama rentas parti bagi memacu pemulihran ekonomi demi kesejahteraan rakyat."

"Selaras dengan hala tuju Pelan Pemulihran Negara (PPN), aktiviti ekonomi akan dibuka secara berfasa bagi membolehkan rakyat mula bekerja dan mencari nafkah dengan selamat," katanya dalam pengumuman jemaah menteri yang disiarkan secara langsung, pada 27 Ogos lepas.

Dalam pada itu, Ismail Sabri turut

menggariskan tiga prinsip untuk barisan kabinetnya mendepani cabaran semasa pandemik COVID-19.

Tiga prinsip itu ialah peka dengan keperluan semasa, bertanggungjawab dan amanah serta mengembalikan semula keyakinan rakyat.

"Sesungguhnya, barisan Kabinet ini juga mengambil pendekatan baharu yang bersifat lebih terbuka dengan menyantuni aspirasi Keluarga Malaysia melalui penyampaian perkhidmatan dan maklumat yang lebih efisien," katanya lagi.



ISMAIL Sabri ketika mengumumkan senarai Jemaah Menteri yang disiarkan secara langsung, pada 27 Ogos lepas.

MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI KABINET 2021

MENTERI KANAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
Datuk Seri Mohamed Azmin Ali
Timbalan Menteri
Datuk Lim Ban Hong

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)
Datuk Seri Mustapa Mohamed
Timbalan Menteri
Eddin Syazlee Shith

MENTERI ALAM SEKITAR
Datuk Seri Tuan Ibrahim bin Tuan Man
Timbalan Menteri
Datuk Dr Mansor Othman

MENTERI PENGAJIAN TINGGI
Datuk Dr Noraini Ahmad
Timbalan Menteri
Senator Datuk Dr. Ahmad Masrizal Muhammad

MENTERI LUAR NEGERI
Datuk Saifuddin Abdullah
Timbalan Menteri
Kamarudin Jaffar

MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
Tan Sri Noh Omar
Timbalan Menteri
Muslimin Yahaya

MENTERI KANAN MENTERI PERTAHANAN
Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein
Timbalan Menteri
Datuk Seri Ikhmal Hisham Abdul Aziz

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)
Datuk Dr Hj Abdul Latiff Ahmad
Timbalan Menteri
Datuk Mastura Mohd Yazid

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Timbalan Menteri I
Datuk Seri Ahmad Hamzah
Timbalan Menteri II
Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Datuk Seri Dr Adham Baba

Timbalan Menteri
Datuk Amzad Mohamed @ Hashim

MENTERI PERPADUAN NEGARA

Datuk Halimah Mohamed Sadique

Timbalan Menteri
Senator Wan Ahmad Fayshal Wan Ahmad Kamal

MENTERI KEWANGAN
Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Timbalan Menteri I
Mohd Shahar Abdullah
Timbalan Menteri II
Yamani Hafez Musa

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)
Senator Tuan Idris Ahmad
Timbalan Menteri
Datuk Ahmad Mar Zuk Shaary

MENTERI DALAM NEGERI
Datuk Seri Hamzah Zainuddin
Timbalan Menteri I
Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said
Timbalan Menteri II
Jonathan Yassin

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
Tan Sri Annuar Musa
Timbalan Menteri
Datuk Zahidi Zainul Abidin

MENTERI BELIA DAN SUKAN

Datuk Seri Ahmad Faizal Datuk Azumu

Timbalan Menteri
Senator Datuk Seri Ti Lian Ker

MENTERI KANAN MENTERI KERJA RAYA
Datuk Seri Fadillah Yusof
Timbalan Menteri
Datuk Arthur Joseph Kurup

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili

Timbalan Menteri
Datuk Hanifah Hajar Taib

MENTERI KESIHATAN
Khairy Jamaluddin Abu Bakar

Timbalan Menteri I
Datuk Dr Noor Azmi Ghazali

Timbalan Menteri II
Datuk Aaron Ago Dagang

MENTERI SUMBER MANUSIA
Datuk Seri M. Saravanan
Timbalan Menteri
Datuk Awang Hashim

MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican

Timbalan Menteri
Datuk Seri Ismail Abdul Mutalib

MENTERI KANAN MENTERI PENDIDIKAN
Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Md Jidin
Timbalan Menteri I
Senator Datuk Dr Mah Hang Soon
Timbalan Menteri II

Datuk Mohamad Alamin
MENTERI PENGANGKUTAN

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri
Datuk Henry Sum Agong

MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

Datuk Seri Takiyuddin Hassan
Timbalan Menteri
Datuk Ali Anak Biju

MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Datuk Alexander Nanta Linggi
Timbalan Menteri
Datuk Rosol Wahid

MENTERI WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Datuk Seri Rina Harun
Timbalan Menteri
Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff

MENTERI PELANCONGAN, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Datuk Seri Nancy Shukri
Timbalan Menteri
Datuk Seri Dr R. Santhara Kumar

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar
Timbalan Menteri
Datuk Wira Mas Ermieyati Samsuddin

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Datuk Seri Shahidan Kassim
Timbalan Menteri
Datuk Seri Jalaluddin Alias

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Datuk Seri Mahadzir Khalid
Timbalan Menteri I
Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad

Timbalan Menteri II
Datuk Hasbi Habibollah

MENTERI PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI

Datuk Dr Zuraidah Kamaruddin
Timbalan Menteri I
Datuk Seri Wee Jeck Seng

Timbalan Menteri II
Willie anak Mongin



SULAIMAN (tengah) menyempurnakan simbolik penyerahan mesin oksigen sumbangan Persatuan Che Chiang Khor Moral Uplifting Melaka kepada Rahmad (tiga dari kanan).

Hospital Melaka terima 10 unit mesin oksigen

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI BENDAHARA – Sebanyak 10 unit mesin oksigen telah disumbangkan Persatuan Che Chiang Khor Moral Uplifting Melaka untuk kegunaan pesakit COVID-19 di Hospital Melaka.

Mesin oksigen tersebut telah disampaikan wakil persatuan, Datuk Wira Calvin Lee yang disaksikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Seri Bendahara, pada 25 Ogos lepas.

Sulaiman kemudiannya menyempurnakan simbolik penyerahan mesin oksigen berkenaan kepada Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman.

Sulaiman dalam satu kenyataan di laman Facebook turut mengalaukan sebarang sumbangan dan kerjasama daripada pelbagai pihak dalam membantu kerajaan negeri mendepani pandemik COVID-19.

“Kerajaan Negeri Melaka terus mengalaukan sebarang bentuk sumbangan dan kerjasama daripada pelbagai agensi, syarikat serta persatuan untuk menyumbang, sekali gus bersama-sama menangani pandemik COVID-19,” katanya.

Majlis penyerahan itu turut dihadiri Senator Datuk Lim Ban Hong dan Pemangku Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM), Dr Rusdi Abdul Rahman.

NADMA jamin tiada isu kekurangan PPS

Faiz Hasan

AYER KEROH – Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memberi jaminan tiada isu kekurangan Pusat Penempatan Sementara (PPS) di seluruh Malaysia jika berlaku banjir disebabkan pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Timbalan Ketua Pengarohnya, Meor Ismail Meor Hakim berkata, ini kerana kebanyakan PPS disediakan di negara ini akan menggunakan sekolah terpilih manakala dewan awam akan diperuntukkan bagi membina PPV.

Ujarnya, persediaan rapi telah dilaksanakan di kebanyakan negeri bagi menghadapi sebarang kemungkinan termasuk monsun timur laut atau musim tengkujuh, dijangka melanda negara November ini.

“Melalui lawatan turun padang didapati kebanyakan negeri sudah melakukan persediaan rapi untuk menghadapi musibah yang tidak dijangka di seluruh negara.

“Malah, satu mesyuarat di peringkat pusat akan diadakan pada minggu kedua September depan bagi membincangkan isu kesiapsiagaan ini dengan lebih terperinci.

“NADMA menjamin tiada sebarang isu terhadap kekurangan PPS disediakan, malah dalam tempoh pandemik ini sekiranya ada mangsa banjir yang menghidap COVID-19 kita telah pun bersedia untuk memperuntukkan bangunan khas dalam setiap PPS disediakan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), Pusat Dagangan Antarabangsa

Melaka (MITC), Ayer Keroh.

Hadir sama, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Melaka, Lettenan Kolonel (PA) Cuthbert John Martin Quadra.

Dalam lawatan terbabit, beliau berpuas hati dengan perkhidmatan PKRC disediakan berikutnya kemudahan fasiliti lengkap yang memberi keselesaan kepada pesakit dikuarantin.

Menurutnya, setakat ini kemasukan pesakit di pusat itu semakin stabil iaitu sekitar 50 peratus dan kebanyakannya pesakit kategori satu dan dua telah menjalankan perintah kuarantin di rumah.

“Setakat ini PKRC MITC kita menempatkan pesakit kategori tiga dan empat dengan penempatan sekitar 30 peratus,” katanya.

‘Rider’, petugas kurier jadi duta kibar Jalur Gemilang

Faiz Hasan

ALOR GAJAH – Bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan, Pejabat Penerangan Alor Gajah mengambil inisiatif menyantuni dan mengedarkan Jalur Gemilang kepada petugas ‘rider’ kurier.

Pegawai Penerangan Daerah Alor Gajah, Salina Hasan @ Abd Rashid berkata, inisiatif itu diambil memandangkan petugas kurier antara mereka yang banyak berkorban bertugas sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda.

Katanya, dengan cara itu juga petugas kurier dapat menjadi sebahagian daripada duta kecil Kempen Sambutan Hari Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2021, sekali gus memupuk semangat masyarakat untuk mengibarkan bendera kemegahan negara.

“Sebelum ini program lebih tertumpu kepada menyantuni petugas barisan hadapan seperti di sekatan jalan raya (SJR), polis dan petugas kesihatan sahaja.

“Jadi kali ini kami mencari kelainan agar petugas kurier ini dihargai dan gembira dengan kunjungan kami ke premis mereka.

“Program ini secara tidak langsung dapat membantu kerajaan menjayakan Kempen Kibar Jalur Gemilang,” katanya.



‘RIDER’ Ninjavan cawangan Alor Gajah teruja menunjukkan Jalur Gemilang yang akan dipasang pada motosikal dan kenderaan kurier.

Sementara itu, Penyelia Gudang Ninjavan Cawangan Alor Gajah, Luqman Hakim Ahmad berkata, pihaknya berbangga terpilih menjadi duta mengibarkan Jalur Gemilang pada kenderaan memandangkan setiap hari mereka mengedarkan lebih 2,000 bukusan pesanan kepada pelanggan.

“Penghantaran kami meliputi seluruh daerah Alor Gajah pada setiap hari dan sudah tentu kami teruja apabila ada sumbangan Jalur Gemilang.

“Terima kasih diucapkan kepada Jabatan Penerangan kerana sudi berkunjung ke premis kami dan mengedarkan Jalur Gemilang berserta pek makanan kepada petugas di sini,” katanya.



DAK MAT

Penjawat awam wajar jadi suri teladan

SELAIN lebih 700 guru di Johor dilaporkan menolak vaksin COVID-19, berita seorang anggota tentera dibuang kerja isu sama, amat mengejutkan.

Ramai pihak bersympati apabila kisah anggota dari Batalion 24 Rejimen Askar Melayu Di-raja (RAMD) itu tular.

Malah, Mat difahamkan sudah ada beberapa peguam ‘cucuk jarum’ tawar diri untuk membelaanya.

Tapi, mereka kena faham anggota tentera ini tertakluk kepada peraturan dan undang-undang ketenteraan yang terasnya kepatuhan kepada perintah dan arahan serta disiplin diri.

Tentera Darat Malaysia (TDM) dah pun jelaskan pihaknya mewajibkan setiap anggotanya ambil suntikan kecuali mereka yang tak layak. Dan jika gagal, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Arahan itu cukup jelas atas dasar mereka hidup berkelompok selain kini peranan TDM sebagai petugas barisan hadapan dalam menjalankan tugas atau pun latihan turut berdedpar risiko COVID-19.

Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain juga tegaskan pemberhentian itu tidak dibuat terburu-buru, sebalik ikut peraturan. Malah, beberapa kali anggota terbabit diberi kaunseling, tapi gagal mengubah pendiriannya.

Setakat ini pemberhentian itu kekal, tapi TDM sedia untuk serap semula dengan syarat anggota terbabit terima vaksin.

Di sini, Mat harap anggota terbabit fikirlah semasak-masaknya peluang kedua ditawarkan itu.

Apapun alasan beliau tolak vaksin, jangan dipersia-siakan khidmatnya yang hampir 20 tahun bersama RAMD. Sebagai penjawat awam, apakah lagi dalam sektor keselamatan negara, sepatutnya dia tunjukkan contoh teladan kepada rakyat.

Dak Mat : Mungkin sudah masanya kerajaan wajibkan suntikan vaksin COVID-19 di negara ini.

Iktibar banjir lumpur Kuala Muda dan Yan

KEJADIAN banjir kepala air di Kuala Muda dan Yan, Kedah tempoh hari wajar diambil iktibar oleh semua pihak.

Bencana itu adalah yang terburuk setakat ini apabila merugikan nyawa enam mangsa.

Mulanya tujuh mangsa dilaporkan hilang dihanyutkan arus deras, namun seorang berjaya diselamatkan.

Selain itu, kerosakan harta benda di lebih 20 kampung membabitkan hampir 800 keluarga dan infrastruktur awam termasuk jalan dan jambatan menelan kos jutaan ringgit untuk pembaikan.

Bermacam andaian dan dakwaan dilontarkan pelbagai pihak susulan kejadian itu.

Ada pihak mengaitkan kejadian banjir lumpur dengan kedalaman 0.1 hingga 1.5 meter di daerah berkenaan akibat aktiviti pembalakan di Gunung Jerai.

Namun dakwaan itu dinafikan menteri besar Kedah yang menegaskan tiada sebarang aktiviti pembalakan kerana kawasan itu diwartakan sebagai Hutan Simpan Gunung Jerai.

Mat rasa lega dan bersyukur. Sebabnya, umum mengetahui aktiviti pembalakan dan penerokaan hutan terutama di kawasan tadahan air amat berisiko menyebabkan kejadian seumpamanya.

Laporan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) pula menjelaskan punca fenomena kepala air itu disebabkan hujan yang ekstrem pada hari kejadian.

Di atas semua ini, persediaan wajar ditingkatkan terutama bagi menghadapi Musim Monsun Tirur Laut dari November hingga Mac yang membawa hujan lebat terutama kepada negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia dan barat Sarawak.

Selain penduduk, agensi yang berkenaan perlu waspada dan siap siaga termasuk memantau dengan lebih rapi kawasan berisiko bagi mengelak bencana serupa.

DAK MAT : Teringat banjir lumpur di Penempatan Orang Asli Pos Dipang pada 1996.

Jadi pengguna bijak

KEJAYAAN polis Melaka menumpas sindiket tipu jual beli dalam talian minggu lalu amat melegakan.

Jika tidak, berapa ramai lagi yang jadi mangsa mereka.

Setakat Januari hingga Julai tahun ni saja 157 kes penipuan jual beli dalam talian direkodkan polis Melaka dengan kerugian dianggarkan RM1.29 juta.

Mat difahamkan sindiket jenayah rentas negara ini cukup licik dan mempunyai rangkaian terancang di negara ini.

Ini terbukti apabila saban hari kontinjen di negeri lain turut merekakan kejayaan membongkar dan menumpaskan sindiket serupa.

Dalam era kecanggihan teknologi kini mereka hanya menggunakan internet dan perkakasan telekomunikasi dan komputer untuk memperdaya mangsa.

Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali dah pesan, pengguna mesti hati-hati jika lihat iklan jualan meragukan di platform jual beli dalam talian.



Sebelum buat transaksi, semak dulu nombor telefon dan akaun diberikan guna aplikasi SEMAK MULE yang boleh dimuat turun di Google Play Store.

Dak Mat : Syabas polis Melaka!



**SENARAI ANTARA PENERIMA ANUGERAH DARJAH, BINTANG DAN PINGAT
KEBESARAN NEGERI MELAKA 2021 SEMPENA HARI JADI KE-72 YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

Darjah Gemilang Seri Melaka (membawa gelaran Datuk Seri)



Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, Ketua Polis Negara
Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain, Panglima Tentera Darat

Darjah Cemerlang Seri Melaka (membawa gelaran Datuk Wira)



Datuk Abdul Majid Mohd Ali,
Ketua Polis Melaka



Datuk Dr. Noor Zari Hamat,
Ketua Setiausaha Kementerian
Pelancongan, Seni dan Budaya



Datuk Md Rawi Mahmud,
Ahli Dewan Undangan
Negeri Tanjung Bidara



Datuk Hasan Abd Rahman,
Ahli Dewan Undangan
Negeri Sungai Rambai



Datuk Soh Chin Ann,
Lagenda bola sepak negara

Darjah Mulia Seri Melaka (membawa gelaran Datuk)



Tuan Darryl Goon Siew Chye,
Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia



Tuan Anselm Charles Fernandis,
Hakim Mahkamah Tinggi Melaka



Tuan Kazuyoshi Nagata,
Pengarah Eksekutif Perodua Auto Corp

Darjah Pangkuhan Seri Melaka (membawa gelaran Datuk)



Tuan Abd Aziz Engan,
Penasihat Undang-Undang
Negeri Melaka



Shamsudin Sharif, Ketua
ICT Negeri Melaka



Haelmy Mohd Hanifah,
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Kerajaan Unit Dewan dan MMKN



Mustafa Musa,
Pengurus Besar Tabung Amanah
Pendidikan Negeri Melaka



Muhammad Ahyad Abdullah,
Setiausaha Khas Hal Ehwal
Masyarakat Ketua Menteri Melaka



Zakaria Ahmad Zabidi, Ketua
Pegawai Operasi PLUS
Malaysia Bhd



Haryaty Hamdzah, Ketua Wanita
UMNO Bahagian Kota Melaka



Abdul Kalam Hassan,
Setiausaha UMNO Bahagian Jasin



Kamarudin Ahmad, Ahli Lembaga
Penggarah Melaka Hari Ini Sdn Bhd

Darjah Seri Melaka



Kamaruddin Mape, Ketua Pengarang
Jabatan Berita dan Hal Ehwal Semasa,
Rangkaian TV, Media Prima Bhd



Aaron Chia Teng Fong,
Pemain badminton negara



Ahmad Janius Abdullah,
Naib Presiden Persekutuan Angkat
Berat Malaysia



Mohd Fairuz Zaidan, Pegawai
Komunikasi Strategik & Media
Jabatan Ketua Menteri Melaka



Baharudin Mohamed,
Jurukamera Berita TV3



Md Zakaria, Pengarang (Akhbar)
Melaka Hari Ini Sdn Bhd

Bintang Cemerlang Melaka



Kamarudin Ahmad, Ahli Lembaga
Penggarah Melaka Hari Ini Sdn Bhd

Bintang Khidmat Terpuji



Mohd Fairuz Zaidan, Pegawai
Komunikasi Strategik & Media
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Pingat Jasa Kebaktian



Baharudin Mohamed,
Jurukamera Berita TV3



Md Zakaria, Pengarang (Akhbar)
Melaka Hari Ini Sdn Bhd



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Prihatin keperitan asnaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) memainkan peranan besar dalam memastikan setiap asnaf di negeri ini dapat dibantu dengan sebaiknya.

Pebagai skim bantuan telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh MAIM dalam usaha membantu asnaf dan mereka yang memerlukan khususnya dalam tempoh sukar negara semasa dilanda pandemik Covid-19.

Skim bantuan yang ada sedikit sebanyak dapat membantu mereka lebih-lebih lagi kehidupan mereka pada ketika ini terjejas kerana ada antara mereka yang hilang pendapatan berikutan dibuang kerja dan sebagainya.

19 skim bantuan yang ada juga memberi tumpuan kepada bantuan makanan dan keperluan kewangan kepada asnaf yang layak.

Bukan sahaja bantuan makanan dan keperluan kewangan namun pendidikan dan pembelajaran anak-anak turut diberi perhatian sewajarnya bagi memberi jaminan masa depan yang lebih di masa akan datang.

Anak-anak asnaf juga turut diberi bantuan penyediaan set pakaian dan kelengkapan sekolah serta memastikan pembiayaan yuran persekolahan tetap menjadi keutamaan.

MAIM turut telah memperkenalkan aplikasi Jejak

|| 19 skim bantuan yang ada juga memberi tumpuan kepada bantuan makanan dan keperluan kewangan kepada asnaf yang layak. ||

Asnaf yang sedikit sebanyak boleh mempercepatkan proses permohonan bantuan kepada mereka memerlukan.

Penggunaan aplikasi berkenaan memberi ruang dan peluang kepada penyampaian maklumat mereka yang memerlukan dengan kadar segera dan pastinya ia mampu dimanfaatkan oleh setiap pemohon.

Dalam keadaan tempoh

sukar ini, pastinya ramai yang terjejas pendapatan dan MAIM akan tetap memastikan mereka yang ini mendapat bantuan yang sewajarnya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh berkongsi bersama dalam memastikan asnaf dan mereka yang terjejas dapat dibantu serta berkongsi rezeki dengan penuh ketakwaan.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Prihatin...



PRIHATIN...Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Islam Melaka yang diketuai Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bersama QSR Brand Sdn Bhd dan Majlis Guru Besar Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM telah mengagihkan barang keperluan makanan kepada beberapa badan kebajikan terpilih sekitar negeri ini. Turut disampaikan sumbangan wang tunai kepada 100 keluarga pelajar SRA JAIM yang terkesan berikutan kehilangan ahli keluarga mereka kerana wabak Covid-19. Program ini juga mendapat kerjasama erat dengan Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau JAIM serta Seksyen Pembangunan Insan MAIM.



MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil menyerahkan surat kebenaran solat Jumaat kepada beberapa surau sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri ini. Kebenaran berkenaan memberi ruang kepada lebih ramai masyarakat Islam di negeri ini untuk menuaikan solat Jumaat.



Jom Berwakaf

5 Kaedah Berwakaf

- 1 Di Kaunter Aras bawah Bangunan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
- 2 Melalui Akaun BANK ISLAM 04015010017434 Saham Wakaf Majlis Agama Islam Melaka
- 3 Potongan Gaji Secara Bulanan Minima RM2.00
- 4 Aplikasi BOOST Muat Turun di Google Play Store & Apple App Store Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal iwkaf.maim.gov.my
- 5 e-BAYAR Bayaran Wakaf Tunai Bayaran Fidyah ebayar.melaka.gov.my

Perundungan

Hengkuk Seksyen 77 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 menjelaskan: "Walau aga pun penuntutan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisyuran yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, halis hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal Wakaf Negeri Melaka"

Fatwa Kebangsaan

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah DIBOLEHKAN di dalam Islam (Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Melaka kali ke - 77 yang bertindang pada 10-12 April 2007 di Primum Beach Resort, Kuala Terengganu)

Kemerdekaan satu nilai kebebasan



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

“ Merdeka juga bermakna bebas dari belenggu kelemahan peribadi dan keruntuhan moral, penyakit dan kemiskinan yang menghalang manusia dari mencapai darjat kemanusiaannya yang sejati. **”**

TANGGAL 31 Ogos 1957 merupakan tarikh bersejarah bagi seluruh rakyat negara Malaysia kerana tarikh tersebut merupakan tarikh di mana negara kita mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan adalah satu rahmat besar yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Rahmat ini diturunkan bukan hanya untuk orang Islam atau Melayu, bahkan dapat juga dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa, malah juga makhluk termasuk haiwan, tumbuhan dan semua yang ada di atas muka bumi.

Kemerdekaan dari satu sudut boleh difahami sebagai bebas dari perhambaan, keterikatan, lepas dari dikenakan tuntutan, tidak bergantung nasib kepada orang, bangsa atau negara lain. Merdeka juga bermakna bebas dari belenggu kelemahan peribadi dan keruntuhan moral, penyakit dan kemiskinan yang menghalang manusia dari mencapai darjat kemanusiaannya yang sejati. Dalam konteks negara, kemerdekaan bermaksud terlepas dari penjajahan politik, ketenteraan, ekonomi, budaya, informasi dan sebagainya.

Pada tahun ini, negara Malaysia bakal menyambut Hari Kemerdekaan yang ke 64 tahun. Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun 2021 adalah bertemakan Malaysia Prihatin sepertimana yang diumumkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah pada 10 Julai 2021. Seperti yang kita sedia maklum, sambutan Hari Kemerdekaan disambut dengan meriah saban tahun. Namun, sejak negara dilanda pandemik Covid-19, sambutan kemerdekaan tidak dapat diadakan seperti biasa mulai tahun lepas. Pada tahun ini, sambutan rasmi akan diadakan secara sederhana dalam norma baharu. Hal ini merupakan salah satu cabaran yang harus ditempuhi oleh rakyat Malaysia; iaitu berdepan dengan penularan pandemik COVID-19. Penularan ini memberi impak yang sangat membimbangkan dari aspek kesihatan, nyawa, ekonomi, keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Penetapan Malaysia Prihatin sebagai tema

Hari Kebangsaan ke-64 adalah bagi menghargai keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan warga Malaysia mengharungi cabaran dan dugaan sepanjang virus Covid-19 melanda negara. Semua rakyat di seluruh negara turut berganding bahu dan bekerjasama dengan kerajaan dalam memerangi virus tersebut tidak kira penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan, badan bukan kerajaan (NGO) maupun individu. Semuanya terlibat dalam mengambil bahagian memerangi pandemik Covid-19 ini. Pihak kerajaan juga memainkan peranan penting dalam memastikan kepentingan rakyat sentiasa dijaga serta memberi keutamaan kepada kesejahteraan dan kebajikan rakyat menerusi pelbagai inisiatif khususnya dari segi kesihatan dan ekonomi bagi meneruskan kelangsungan hidup rakyat.

Kita semua mahukan kebebasan untuk menjalani kehidupan sehari-hari kita. Selain bebas melakukan aktiviti sehari-hari, kita juga perlukan kebebasan dari segi undang-undang, ekonomi, pendidikan dan amalan mengikut adat dan budaya masing-masing. Dalam ajaran Islam, kemerdekaan juga adalah suatu tuntutan. Sebagai contoh, pembukaan Makkah pada zaman pemerintahan Baginda Rasulullah SAW merupakan satu pencapaian kemerdekaan yang sangat bermakna dalam sejarah Islam. Ia adalah lambang kepada pembebasan manusia daripada belenggu kejahilan.

Pada hari ini, seluruh dunia khususnya negara kita sedang berdepan dengan pandemik Covid-19 yang telah melanda selama lebih kurang dua tahun. Semenjak dilanda pandemik, kehidupan kita telah berubah secara mendadak. Ini jelas membuktikan bahawa kita telah dijajah oleh virus berbahaya ini. Bagi memerdekaan diri dari virus ini, pelbagai langkah dan usaha telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia yang perlu dipatuhi seperti Perintah Kawalan Pergerakan. Bahkan, kita juga disarui menjalani norma baharu kehidupan.

Dalam konteks agama Islam, kebebasan yang ingin dicapai mestilah berdasarkan apa yang telah ditetapkan dalam Al-Quran dan Hadis. Maksud kemerdekaan yang sebenar adalah kebebasan umat manusia daripada dorongan hawa nafsu dan syaitan, kebebasan manusia daripada cintakan dunia yang melam-

merdekaan diri kita dari belenggu "penjajahan" dengan kembali memahami, menghayati dan mengamalkan Islam yang sejati. Mudah-mudahan usaha kita dalam memerdekaan kehidupan kita ini mendapat keredhaan daripada Allah SWT serta menjadikan kita hamba-Nya yang sentiasa mensyukuri nikmat yang diberikan-Nya. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Justeru itu, marilah sama-sama kita me-

Selamat Menyambut

Hari Kebangsaan *Yang Ke - 64*

ZAKAT MELAKA
Beritai Jaya Sari Berita

Tulze Ullas Daripada

YBHG. HAJI IBRAHIM BIN HAJI FADZIL
Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka & Suluruh Warga Kerja Zakat Melaka

Talian Telefon

1-300-88-0233

Zakat Melaka

zakat.melaka

www.izakat.com

Hanya **2.5%**

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari:



www.izakat.com



Beritai Jaya Sari Berita



Selamat Menyambut HARI KEBANGSAAN 2021



MALAYSIA PRIHATIN

Setulus Ikhlas Daripada



Ahli Lembaga Pengarah, Setiausaha & Seluruh Warga Kerja
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)



Setinggi-tinggi Tahniah



KEPADА

Tuan Yang Terutama

Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.,

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

Sambutan Hari Jadi Ke-72

24 Ogos 2021 Bersamaan 15 Muharam 1443H

SETULUS IKHLAS DARIPADA



Majlis Tertinggi Persekutuan Karate Malaysia

'Cahaya' kemerdekaan bagi Orang Asli Temuan



FIQA JAMAL

ALOR GAJAH - Sambutan Kemerdekaan Negara ke-64 lebih bermakna bagi masyarakat Orang Asli Temuan di Kampung Bukit Meranti, Machap, Alor Gajah, apabila penempatan mereka kini diterangi cahaya lampu.

Dengan dilimpahi lampu solar, kehidupan malam Orang Asli suku kaum Temuan itu tidak lagi bergelap atau hanya bergantung kepada pelita serta lilin semata-mata.

Bekalan lampu solar berkenaan disumbangkan sebuah badan bukan kerajaan (NGO), Unit Response Team, URT Aslam Resources menerusi program Sentuhan Merdeka.

Beberapa penduduk Orang Asli yang ditemui, kelihatan ceria dan berterima kasih atas sumbangan yang dapat menerangi perkampungan mereka.

Menurut Tok Batin Suku Te-

muan, Tepung Kudang, 50, ujarnya selama ini, penduduk hanya bergantung kepada lilin dan pelita yang menyebabkan seringkali berlaku kebakaran.

"Selalunya kami guna pelita di sini, dan ada sebahagian keluarga pun menggunakan set generator namun kosnya agak tinggi apabila ter paksa membelanjakan kira-kira RM240 sebulan untuk membeli minyak."

"Saya sendiri banyak kali dah usahakan untuk suku sakat kami mendapatkan lampu jalan di kawasan ini, namun ujar pihak berkaitan ada isu tanah di sini, jadi bila ada NGO yang datang beri bantuan lampu solat kepada kami, syukurlah," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, bagi seorang suri rumah, Kuntum Tepung, 29, berkata, bekalan lampu solar itu memudahkan kerja hariannya pada waktu malam selain kemudahan kepada

SUASANA malam rumah Tok Batin di perkampungan Orang Asli Kampung Bukit Meranti, Machap, Alor Gajah selepas dipasang lampu solar sumbangan NGO, URT Aslam Resources.



anaknya untuk belajar.

"Sekarang ini saya gembira tengok anak boleh bermain dalam terang, senang nak belajar, suasana rumah menjadi lebih terang, jadi seronok tidak bergelap lagi seperti sebelum ini," katanya.

Nada sama disuarakan seorang penduduk, Jumaat Hussein, 26, yang gembira ia memudahkan penduduk berkumpul dan berbincang sesuatu perkara pada waktu malam.

"Biasa kami berkumpul menggunakan pelita, gelap dan tak nampak muka. Tapi bila dah ada lampu lebih mudah untuk berborak, berjumpa keluarga, selain memantau anak-

anak buat kerja sekolah," ujarnya.

Menurut Pengurus URT Aslam Resources, Datuk Mohd. Yusoff Abu Hassan, keprihatinan terhadap nasib suku kaum Temuan menyebabkan pihaknya terpanggil untuk menyalurkan bantuan.

Sebelum pemasangan dilakukan katanya, seluruh perkampungan itu telah dahulu disanitasi bagi mengelak penularan jangkitan COVID-19.

"Hampir dua bulan kita kenal pasti kawasan penempatan Orang Asli di sini, sebelum pasukan kami melakukan perbincangan lanjut dan membuat persediaan teknikal lampu solar di mana lebih dari 10 keluarga

di sini yang hidup dalam kegelapan.

"Misi sentuhan merdeka ini kita bagi mereka rasa 'merdeka' dari kegelapan, sekali gus merupakan sinar baharu kepada keluarga Orang Asli di sini," katanya.

Tambah Mohd Yusoff, pihaknya mahu suku kaum Temuan itu sama-sama menikmati kemerdekaan dalam suasana ceria sebagaimana rakyat lain.

"Orang Asli yang duduk sekitar ini dapat menikmati cahaya lampu dalam kehidupan harian dan kenikmatan hari ini, turut dapat dirasai untuk anak cucu mereka kelak," jelasnya.

HAK MILIK KEKAL

20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja

RUMAH TERES 2 TINGKAT

MOLEK RESIDENCE

Watch Interior (360) view >>
<https://imolekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK PENDAFTARAN

06-337 3333

2.2282773,
102.3281568



Sara lagi projek berprestij olah:

Pembangun:
PADUWAN
REALTY SDN BHD

Pembangun:
PB
REALTY



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE Pulau Pinang or Tanjong Malays are usually not remembered for their nationalism. Some weeks ago, a state government agency contacted me asking for names of Pulau Pinang Malays who were involved in the nation's independence movement. Many were members of the intelligentsia in the years before and after World War 2. Not many associate personalities like Syed Sheikh al-Hady, his years after *al-Imam* was spent in Pulau Pinang, advocating reform through journalism and literature via print (The Jelutong Press). There was also educator and reformer S.M. Zainul Abidin who led a solidarity movement of Malays from all over the peninsular, and whose name has replaced Jalan Jahudi.

Unnoticed in history is Ibrahim Mahmood, author and newspaper editor who helped drafted the Merdeka Proclamation; and Ahmad Murad Nasaruddin, writer, teacher and novelist, educated at the Sultan Idris Training College, known for

Penang Free School White Shirts: The National Consciousness of Datuk Dr. Abdul Wahab Ariff

such works as *Nyawa Dihujung Pendang* (1948). I gave some of those names.

At the back of my mind, after 64 years, the Pulau Pinang establishment only know of P. Ramlee! A dismal state of ambivalence. The narrative has been silent on the context of their lives and the times and society that they lived in. Another understated figure was Datuk Dr. Abdul Wahab Mohamed Ariff. I have to thank my late father Mohd. Noor Merican for imbuing that name in my consciousness in his continuing narrative on Tanjong.

But first, in my Penang Free School (PFS) years, I had known Dr. Abdul Wahab as one of the founders of the Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS/The Federation of Malay Students Union). Together with luminaries like Ami-nuddin Baki, Mohd. Noor Marahakim, Wan Suleiman Pawanteh and Siti Hasmah Mohamad Ali, he founded GPMS in August 1948.

My late father introduced me to Dr. Abdul Wahab Ariff as his kinsman, and a brilliant son of Tanjong, who had won two scholarships to study medicine at the King Edward VII College of Medicine in Singapura.

Abdul Wahab was the prime mover.

It was related by former journalist A Shukor Rahman in his book *Flying Colors of Tanjung: The Story of Penang Malays* (2010) of bright Malay students being left out of government scholarships in the 1930s. To the British, the Malays should only be educated up to the School Certificate level – enough to carry out subordinate roles. Too many highly educated and intellectual Malays would be dangerous.

The disappointment and frustration simmered among Malay students at the PFS. They united and formed the Malay Boy's League or the 'White Shirts' as they preferred to be called outside school hours. The movement's leader was Abdul

Wahab Mohamed Ariff. He was granted permission from the acting headmaster, F. Cobb, who seemed to be sympathetic toward the students. According to Shukor, whom I had earlier collaborated for his *Flying Colors* book, the Malay students then had a forum to discuss their problems and grievances "in the true spirit of Malay nationalism."

Some of the major issues in the 1930s were the total absence of any form of incentive, help or opportunity for tertiary education, the wasteful termination of their studies after passing out from Malay vernacular schools, and the almost total absence of female Malay students in English schools. The movement managed to influence Malay elders in Pulau Pinang to press for government scholarships for outstanding students of PFS.

The headmaster L.W. Arnold, on his return from home leave, expressed his concern. Europe in the 1920s and 1930s, saw Adolf Hitler's 'Brown Shirts' (German Youth Movement), and the 'Black Shirts' of Benito Mussolini. To Arnold, Abdul Wahab's 'White shirt' would suggest something similar. He disbanded the movement before the police (detective branch) took action. Shukor sees this as signalling the emergence of nationalism among the Malay students of PFS.

My late father introduced me to Dr. Abdul Wahab Ariff as his kinsman, and a brilliant son of Tanjong, who had won two scholarships to study medicine at the King Edward VII College of Medicine in Singapura. Abdul Wahab was born on 24 December 1919 (d. 2006) in Tanjong. He attended the Chowrasta Malay School (1925-29) and PFS (1930-37), obtaining Grade One in his Senior Cambridge Examination in 1937 and his School Certificate with honours in 1938. He had won the Penang Centenary Gold Medal for being first in his school.

In 1939, he was awarded the Tunku Syed Hussein Scholarship, and in the same year in May the Penang Kapitan Kling Mosque Scholarship. Dr. Abdul Wahab graduated with a Licentiate in Medicine and Surgery (LMS) in the Class

of December 1949. According to medical biographer Dr. Faridah Abdul Rashid in her book *Biography of the Early Malay Doctors: 1900 – 1957* (2012), he joined government service in 1950 holding several posts under the British Malayan, Malaysian, and Brunei governments. His stint in Perlis in the early 1950s saw him responsible for eradicating the gastro-enteritis epidemic in the state. He was appointed Chief Medical and Health Officer (CMHO) of Perlis (1953-1955).

Dr. Faridah Abdul Rashid, who is former professor of Biochemistry and Medical Information Technology at the School of Medical Sciences, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian in Kelantan stated that Dr. Abdul Wahab was responsible for setting up the Snake Unit in Perlis, with a snake venom centre for the purpose. His wife Datin Intan had related that many were fatally bitten by snakes in Perlis during *magrib*.


In 1955, Dr. Abdul Wahab was awarded the Queen's Fellowship for postgraduate work in Public Health. He served as CMHO in Pulau Pinang in 1968, and Kuala Lumpur on 1970. He was Deputy Director-General of Health (1973-74) prior to his retirement from the service at the age of 55. Subsequently he was appointed as University Kebangsaan Malaysia's (UKM) first Professor of Social and Preventive Medicine in 1975, becoming its acting vice-chancellor. He served as the second Dean of UKM's Faculty of Medicine, retiring from the university in May 1978.

**NEXT WEEK:
The Siamese Farang**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR. Abdul Wahab (left) joined government service in 1950 holding several posts under the British Malayan, Malaysian, and Brunei governments.



GAMBARAN perubahan retina pesakit yang menghidap Diabetik Retinopati.

KEADAAN retina yang tiada Diabetik Retinopati.

Penghidap kencing manis boleh buta?



KOLONEL (B) DR. YIP CHEE WAI
Pakar Mata, Hospital Pantai,
Ayer Keroh



Fiqha Jamal

TAHUKAH anda, penghidap diabetes atau kencing manis berupaya untuk buta kekal? Hal ini kerana masih ramai lagi yang mempunyai kurang kesedaran terhadap penyakit ini.

Diabetes atau kencing manis berlaku apabila kandungan gula dalam darah tinggi kerana badan kita tidak mengeluarkan cukup insulin atau gula tidak boleh diproses dengan betul.

Insulin ialah hormon yang menolong mengawal kandungan gula dalam darah kita. Kanak-kanak dan orang dewasa boleh menghidap kencing manis. Bagaimanakah diabetes boleh melibatkan mata?

Kebanyakan pesakit diabetik akan mengalami Diabetik Retinopati selepas tempoh penyakit melebihi 20 tahun dan ramai yang mengalaminya jauh lebih awal jika kadar gula atau penyakit diabetik tidak dikawal dengan baik.

Penghidap diabetes juga boleh menghidap penyakit katarak lebih kerap berbanding orang ramai yang tidak menghidapi kencing manis.

DIABETIK RETINOPATI

Diabetik Retinopati ialah retinopati (kerosakan pada retina) yang disebabkan oleh komplikasi penyakit diabetes di mana ianya terjadi akibat dinding salur darah yang poros sehingga menyebabkan kebocoran protein

dan lemak ke lapisan retina serta kapilari tersumbat.

Ia sekali gus boleh menyebabkan kurangnya bekalan oksigen ke retina lantas menyebabkan pendarahan dalam mata yang akhirnya mengakibatkan penglihatan mata merosot dan seterusnya buta.

GOLONGAN BERISIKO MENDAPAT DIABETIK RETINOPATI

Golongan yang berisiko mendapat penyakit Diabetik Retinopati ini ialah :

- Semua pesakit diabetes yang mempunyai paras gula yang tidak terkawal (paras glycated hemoglobin Hb1Ac yang tinggi)
- Pesakit diabetes yang sedang hamil
- Pesakit yang mempunyai paras tekanan darah tinggi dan kolesterol yang tidak terkawal
- Pesakit yang didiagnos mengidap diabetes lebih dari 5 tahun
- Pesakit yang mempunyai paras hemoglobin yang rendah
- Pesakit diabetes yang mempunyai berat badan yang berlebihan atau obesiti

TANDA DAN GEJALA RETINOPATI DIABETIK

Diabetik Retinopati pada tahap awal selalunya tidak mempunyai apa-apa tanda namun, jika berlarutan tanpa rawatan tanda dan gejala penyakit tersebut akan menyebabkan hilang penglihatan.

Jika pesakit mengalami simptom penglihatan kabur, serta mendapati terdapat bintik hitam atau kosong di tengah medan penglihatan, ia bermakna penyakit Diabetik Retinopati sudah sampai ke tahap yang serius.

TIGA TAHAP PERINGKAT DIABETIK RETINOPATI

Tahap Awal

Peringkat awal retinopati tanpa proliferasi, dalam peringkat ini, saluran darah menjadi lemah dan mudah bocor menyebabkan titik-titik pendarahan yang dipanggil 'microaneurysms' yang menandakan pengembangan yang tidak normal pada salur darah retina.

Di peringkat ini microaneurysms dapat dilihat pada satu bahagian retina.

Tahap Pertengahan

Peringkat pertengahan retinopati tanpa proliferasi terjadi apabila terdapat lebih banyak microaneurysms dan dapat dilihat pada lebih satu bahagian retina.

Tahap Kritis

Di peringkat ini juga, retinopati tanpa proliferasi boleh menjadi tenat apabila terdapat lebih banyak microaneurysms di bahagian retina, berlaku pendarahan dalam lapisan retina dan penyempitan saluran darah yang menyebabkan kurang oksigen pada retina.

Pada peringkat Diabetik Retinopati Tanpa Proliferasi, pesakit mungkin tidak mengalami sebarang simptom gangguan penglihatan lagi.

PERINGKAT RETINOPATI PROLIFERASI

Peringkat retinopati proliferasi, iaitu di peringkat terjadi pertumbuhan salur darah yang tidak normal akibat dari kekurangan oksigen yang teruk dan boleh mengakibatkan pendarahan dalam mata.

DIABETIK MACULAR EDEMA (DME)

DME boleh berlaku di mana-mana peringkat retinopati sama ada diabetik retinopati proliferasi atau tanpa proliferasi. Kebanyakan pesakit mengalami gejala gangguan penglihatan jika ada DME.

RAWATAN DIABETIK RETINOPATI

Rawatan Diabetik Retinopati bergantung kepada tahap penyakit terbabit.

Pada peringkat awalnya, penyakit tersebut boleh diatasi dengan mengawal paras gula dengan mengamalkan diet yang terkawal, pengambilan ubat yang betul serta mengubah cara hidup dengan amalkan senaman, berhenti merokok dan kurangkan pengambilan alkohol.

Rawatan Laser

Rawatan awal untuk retinopati proliferatif memerlukan sejenis laser yang dipanggil 'panretinal photocoagulation'. Di mana dalam prosedur ini, laser digunakan untuk mengurangkan keperluan oksigen di bahagian retina sekali gus membolehkan saluran darah yang mudah pecah mengecut dan hilang.

Rawatan Injeksi Intravitreal

Injeksi intravitreal (anti Vascular Endothe-

rial Growth Factor) merupakan rawatan yang sering digunakan sekarang untuk mengurangkan bengkak retina (Diabetic Macular Edema). Pesakit memerlukan injeksi secara berkala.

Rawatan Pembedahan Vitrektomi

Di tahap yang lebih teruk, pendarahan dalam mata atau kelekangan retina memerlukan pembedahan vitrectomy. Di mana dalam prosedur ini, pendarahan dalam vitreous dikeluarkan agar gangguan penglihatan dapat dikurangkan.

DIABETIK RETINOPATI BOLEH DIELAKU?

Kita boleh mengurangkan risiko gangguan penglihatan atau kebutaan berpunca dari Diabetik Retinopati dengan mengawal penyakit kencing manis serta memastikan kanduan glukosa dalam darah sentiasa terkawal. Pesakit juga harus memastikan tekanan darah serta kandungan lemak/kolesterol dalam badan juga terkawal serta elakkan obesiti.

Mengamalkan pemakanan yang sihat dan senaman sehariannya juga akan membantu pesakit dari mendapat Diabetik Retinopati.

Selain itu, pesakit diabetes juga perlu membuat pemeriksaan rutin dengan pengamal perubatan dan pastikan pemeriksaan retina dilakukan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun sama ada secara 'screening camera' atau dengan pakar mata.

Risiko kebutaan berpunca dari penyakit diabetik retinopati dapat dikurangkan jika ianya dikesan pada peringkat awal (sebelum timbulnya sebarang gejala gangguan penglihatan).

Rawatan awal sama ada secara laser atau injeksi ubat secara intravitreal juga mampu mengurangkan risiko kebutaan. Namun begitu langkah yang paling baik untuk mencegah kebutaan akibat diabetes ialah mengamalkan cara hidup yang sihat, mengawal kandungan gula, lemak serta kolesterol dan tekanan darah.

Menghidap penyakit diabetes tidak akan menyebabkan kebutaan tetapi dengan tidak mengawal penyakit diabetes untuk satu tempoh masa yang panjang sudah tentu akan menyebabkan gangguan penglihatan akibat Diabetik Retinopati.



DR. SHANKAR GUNARASA



POLIP kolorektal secara definisi ialah pertumbuhan atau bonjolan yang bertangkai (abnormal) di dalam lapisan kolon dan rektum dengan pelbagai saiz dan bentuk. Lazimnya pertumbuhan polip tidak merbahaya namun begitu terdapat sesetengah polip yang aktif dan akan cenderung membentuk sel kanser yang boleh menyebabkan kanser kolorektal. Secara lazimnya polip yang tidak bertangkai lebih cenderung untuk menjadi kanser berbanding dengan polip bertangkai. Saiz polip juga boleh menjadi petanda untuk menghitung risiko untuk mendapat kanser. Polip yang saiznya lebih 2cms boleh mempunyai 46% untuk menjadi kanser dalam lima tahun. Oleh itu ujian saringan kolonoskopi adalah amat penting untuk dan mengeluaran polip ini sebelum ianya menjadi kanser.


Apakah penyebab polip di dalam usus ?

Tidak satu faktor yang konkrit yang boleh dikatakan sebagai penyebab polip ini. Polip ini terjadi dari sel-sel divisi di usus yang berlebihan dan tanpa sebarang stimulasi atau sebab. Divisi sel yang berlebihan inilah yang menyebabkan tumbuhnya polip di dalam usus kita.

Lazimnya polip ini biasanya di lihat di dalam golongan

- Berusia lebih 50 tahun

Polip (polyp) Kolorektal: Perlukah anda risaukan?



- Obesiti
- Riwayat keluarga menderita polip atau kanker usus
- Pernah memiliki masalah polip
- Memiliki sejarah penyakit keradangan usus seperti Crohn's disease
- Penyakit turunan seperti Lynch syndrome atau Gardner's syndrome
- Merokok dan minuman alkohol

- Konsumsi makanan tinggi lemak dalam jangka panjang

Tidak ada simptom yang specific yang boleh mengatakan yang anda mempunyai penyakit atau masalah polip. Lazimnya polip ini dijumpai secara kebetulan secara kolonoskopi. Tetapi dari risalah perubatan, polip ini boleh memberi masalah

- Pembuangan najis yang berlendir
- Pendarahan semasa pembuangan najis
- Sembelit atau cirit-cirit berdarah
- Loya atau muntah sekiranya polip yang besar

Polip ini terdiri daripada beberapa jenis yang termasuk

- i. Polip non-neoplastic
 - Polip yang tak berbahaya yang paling biasan di jumpai di dalam usus kita
 - Antaranya hyperplastic, inflammatory
- ii. Polip neoplastic (kanser)
 - Terdiri dari adenoma yang berjenis tubulovillous, villous atau tubular
 - Polip yang mempunyai sel-sel kanser (adenocarcinoma) dan biasanya menandakan kanser yang awal.

Diagnosis dan mengatasi polip kolorektal

Seperti yang telah saya huraikan tadi, polip ini biasanya di diagnosis secara kebetulan. Namun ada beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk mengenalpasti polip ini, antaranya

● Kolonoskopi

Prosedur memasukkan tiub fleksibel yang berhujungkan camera kecil dan di masukkan melalui dubur. Usus besar akan di periksa secara terperinci.. Jika polip di kenalpasti,

doktor akan menegelurkan secara polypectomy atau secara EMR (endoscopic mucosal resection)

● Barium enema

Procedure di mana barium cair di suntikkan melalui dubur dan menggunakan X-ray untuk memindai usus. Barium akan membuat usus berwarna putih dan jika ada polip akan berwarna gelap berbanding dengan sekitarnya.


● CT colonography

Usus dapat di lihat secara dua dimensi dan melihat usus dalam secara jelas berbanding dengan CT scan biasa


● Pemeriksaan najis

Najis akan di periksa untuk mencari kesan darah. Cara ini di panggil fecal occult blood testing (FOBT) dan cara baru dengan menggunakan immunochemical iaitu iFOBT. Sekiranya darah terjumpa dalam ujian ini, maknanya ujian saringan kolonoskopi terpaksa dilakukan.

Justeru itu, pengesan awal kehadiran polip kolorektal sangat penting dan dititikberatkan. Ini kerana, kajian yang dijalankan di Eropah dan Amerika menunjukkan penyingkiran polip adenoma akan mengurangkan insiden kanser kolorektal sebanyak 90 peratus. Oleh itu janganlah melengahkan masa untuk membuat ujian saringan kolonoskopi untuk mengesan polip ini. Anda boleh mengelakkan dari polip tersebut menjadi kanser kelak. Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah polip dan ujian saringan polip, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131



Sasar Jeti Taman Rempah Hotel MITC rancang buka Asahan Cafe 2



AIDA

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Pengurusan Hotel MITC dalam perancangan untuk membuka cawangan kedua Asahan Cafe di Jeti Taman Rempah awal Oktober depan.

Pengurus Kanan Jualan Hotel MITC Aida Karim berkata pembukaan itu akan dimuktamadkan selepas Melaka River Cruise (MRC) kembali beroperasi bagi menarik lebih ramai pelanggan.

"Perancangan pihak Hotel MITC dan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) untuk menetapkan tarikh pembukaan Asahan Cafe 2 di Jeti Taman Rempah belum pasti, mungkin hujung September atau awal Oktober.

"Kita akan tunggu sehingga MRC beroperasi semula untuk buka cafe tersebut, bagaimanapun menu-menu yang ada di Asahan Cafe di Hotel MITC masih sama seperti kari kepala ikan dan masakan Nyonya yang popular," katanya kepada MHI.

Ujarnya, pada masa sama Hotel MITC turut menawarkan pelbagai pakej menarik bagi memastikan pelancong terus menggunakan perkhidmatan di hotel itu.

"Dalam tempoh pandemik, kita masih beroperasi seperti biasa termasuklah aktiviti penghantaran makanan, dan penginapan khasnya kepada 'frontliner' dan orang awam dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Kita menjalankan pemasaran secara intensif untuk mempromosikan produk hotel seperti bento harian, kari kepala ikan, promosi penginapan untuk front-liner, penjawat awam, penginapan dan pakej norma baharu dengan harga yang istimewa," katanya lagi. Jelasnya, justeri Melaka diharap segera beralih ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi memastikan sektor pelancongan di negeri ini kembali berkembang.

"Sebagai wakil industri perotelan, kita harap agar sempadan daerah dapat dibuka, paling tidak dalam Fasa Dua atau Tiga nanti.

"Sekurang-kurangnya apabila daerah kembali dibuka, masyarakat awam dapat menyokong industri pelancongan ini," katanya lagi.

HOTEL MITC dalam perancangan untuk membuka cawangan kedua Asahan Cafe di Jeti Taman Rempah pada awal Oktober depan. FOTO ihsan Hotel MITC





MALAYSIA PRIHATIN

**PILIHAN RUANG
PENGIKLANAN
YANG BIJAK!**

serendah **RM50** sahaja!

AUTOMOTIF
Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori

HARTANAH
Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah

KERJAYA
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KLASIFIKASI AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot

NOTIS
Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

Hubungi : 06 251 9315 / 018 329 9936

www.melakahariini.my







Melaka Hari Ini

N
O
T
I
S
L
e
l
o
g
e
n
a
n
g
K
e
w
a
n
g
T
e
n
d
e
r
N
o
t
i
s
A
m



Selamat Menyambut Hari Kebangsaan

Ke 64 Tahun 2021

Ikhlas daripada



YAYASAN MELAKA

Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah,
Pengurus Besar, Pengurusan
dan Seluruh Warga Kerja
Yayasan Melaka





Setinggi-tinggi Tahniah



KEPADА

Tuan Yang Terutama

Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.,

Yang di-Pertua Negeri Melaka


SEMPENA

Sambutan Hari Jadi Ke-72

24 Ogos 2021 Bersamaan 15 Muharam 1443H

SETULUS IKHLAS DARIPADA





Selamat Menyambut **HARI KEBANGSAAN 2021**



Setulus Ikhlas Daripada



**Datuk Bandar, Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis,
Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan
Serta Seluruh Warga Kerja
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka**





LIGA SUPER MALAYSIA 2021	
Jadual perlawanan Melaka United FC	
MELAKA UNITED FC VS PERAK FC	KEDAH DARUL AMAN FC VS MELAKA UNITED FC
STADIUM HANG JERAI, MELAKA	STADIUM DARUL AMAN
JUMAT, 3 SEPTEMBER 2021	ABAD, 12 SEPTEMBER 2021
9.00 Malam	9.00 Malam

Melaka United FC cari formula saat akhir

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KELAB Bolasepak Melaka United (MUFC) perlu mencari formula baharu yang terbukti ampuh dan berkesan dalam usaha untuk mengubah nasib pasukan di saat-saat akhir.

Pengurus pasukan, Muhammad Akram Abdullah berkata, memandangkan skuad Hang Tuah masih berada dalam kedudukan bahaya, suatu perubahan perlu dilakukan barisan kejurulatihan dan pemainnya secepat mungkin.

Katanya, kerjasama dan disiplin menjadi antara kunci utama untuk mengelakkan pasukan dari pada terjerumus ke zon penyingkiran Liga Super dalam baki dua perlawanannya sahaja lagi.

"Tidak dinafikan kita sememangnya kecewa apabila sekadar memperoleh keputusan seri dengan pasukan di tangga tercorot UiTM FC, baru-baru ini, sedangkan kita sepatutnya boleh mengutip tiga mata penuh."

"Apapun, kita tidak boleh menoleh kebelakang lagi dan saya me-

minta semua pemain memberikan komitmen 100 peratus dan menunjukkan keyakinan bahawa mereka boleh mengubah nasib pasukan dalam baki perlawanannya terakhir.

"Saya juga berharap barisan kejurulatihan MUFC dapat mencari satu formula baharu untuk membolehkan kita mengutip tiga mata dalam baki perlawanannya terakhir ini," katanya kepada MHI.

Muhammad Akram bagaimanapun optimis kerjasama erat dalam keluarga MUFC mampu membawa pasukan itu memperbaiki kedudukan pada saat-saat akhir bagi membolehkan mereka terus bersaing dalam saingan liga teratas.

Untuk rekod, setakat 19 perlawanannya, MUFC berjaya mengutip 17 mata hasil empat kemenangan, lapan seri dan tujuh kali tewas.

Skuad kendalian Zainal Abidin Hassan itu dijadual menentang Perak FC pada 3 September dan Kedah Darul Aman FC pada 12 September sebelum saingan Liga Super musim 2021 melabuhkan tirai.



PEMAIN MUFC ditagih untuk terus memperjuangkan nasib MUFC untuk terus kekal di Liga Super pada musim akan datang. FOTO ihsan FB Melaka United FC

Piala Sudirman Malaysia mampu cabar Jepun, England

PENGARAH Kejurulatihan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Wong Choong Hann percaya pasukan negara mampu memberikan cabaran sengit, khususnya dalam menghadapi Jepun dan England pada Piala Sudirman 2021 bermula 26 Sept hingga 3 Okt ini di Vantaa, Finland.

Malaysia, yang merupakan pilihan kelapan, berdepan saingan hebat apabila diundi dalam Kumpulan D bersama naib juara 2019 Jepun se lain England dan Mesir, dalam undian yang dikeluarkan Persekutuan Badminton Dunia (BWF) pada 25 Ogos lepas.

Melihat Jepun sebagai ancaman terbesar pasukan negara, beliau berka tiba masa untuk pihaknya menilai prestasi para pemain dan memutuskan senarai terakhir pasukan.

"Saya percaya dengan perseorangan yang dilakukan, namun, (saya) lebih mengambil berat dalam menentang pasukan England, kami memang berpeluang untuk mengatasi pasukan itu tapi harus fokus dan berwaspada pada waktu yang sama."

"Bagi pasukan Mesir pula, peluang juga ada untuk mengatasi me-



reka dan dalam masa sama kami juga berpeluang untuk mengejaskan pemain muda untuk berdepan me-reka," katanya.

Sementara itu pemain perseorangan wanita Siti Nurshuhaini Azman dan Tan Zhing Yi memperkenalkan prestasi cemerlang dan mengekalkan rekod tanpa kalah selepas tiga perlawanan dalam Kejohanan Ranking Rmaja Dalaman.

Siti Nurshuhaini mengetepikan Ong Xin Yee 21-16, 19-21, 21-15, ma-

nakala Zhing Yi menewaskan Joanne May 21-14, 21-16, bagi meraih dua tempat teratas.

"Saya bermula dengan baik dan bermain dengan baik tapi dia (Xin Yee) boleh membaca permainan saya. Saya terpaksa bangkit semula pada set ketiga dankekalkan corak permainan. Saya akan kekal fokus dan teruskan perjuangan untuk meraih tempat pertama dalam kejohanan ini," kata Siti Nurshuhaini. - BERNAMA